

Artikel Penyelidikan

Menelusuri keunikan sejarah dondang sayang: Tradisi Melayu dan Baba Nyonya.

Nur Ain Syafiqah Abdullah Sani¹, Nurhani Sofea Mohd Subki², Jannatul Iza Ahmad Kamal^{3*} dan Jafalizan Md Jali^{4*},

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; nurainsyafiqah.nas@gmail.com

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; nurhani.s1010@gmail.com

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jannatul406@uitm.edu.my;  0000-0001-6476-8519

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: jannatul406@uitm.edu.my; +60132555561.

Abstrak: Dondang sayang merupakan salah satu seni muzik tradisional yang wujud sejak zaman dahulu hingga sekarang. Kajian ini sangat penting untuk generasi kini mengenali dan memahami dengan lebih terperinci tentang perjalanan seni Dondang Sayang ini. Menjadi satu kepastian bagi generasi sekarang untuk mendapatkan pendedahan tentang kewujudan Dondang Sayang dan memelihara seni warisan Dondang Sayang di Melaka. Kajian ini menemui dua tokoh dalam seni Dondang Sayang iaitu Tuan Haji Idriss Bin Haji Shariff dan Encik Hairul Asraf Bin Abu Hussain. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mendalami secara terperinci tentang sejarah dan asal-usul Dondang Sayang. Seterusnya kajian ini juga bertujuan untuk memperolehi maklumat daripada kedua-dua tokoh berkenaan Dondang Sayang Melayu dan Dondang Sayang Baba Nyonya. Diharapkan semua pihak dapat bersama-sama memastikan seni warisan Dondang Sayang ini terus dipelihara agar seni muzik yang berharga ini tidak dilupakan oleh masyarakat.

Kata kunci: Dondang Sayang, Sejarah Lisan, Melaka, Seni Warisan, Baba Nyonya

DOI: 10.5281/zenodo.10910172



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Peralihan zaman secara perlahan-lahan menyingkirkan lagu tradisional rakyat yang suatu ketika dulu cukup dekat di hati masyarakat. Lagu rakyat mempunyai peranan yang sangat unik dalam masyarakat kita. Terdapat pelbagai jenis lagu rakyat di Malaysia dan kebanyakan lagu tradisi ini mengandungi sastra pada lirik yang dipersembahkan dalam pelbagai genre seperti pantun, puisi, sajak dan seloka. Lagu-lagu ini biasanya dinyanyikan untuk menghiburkan diri sendiri selain digunakan dalam upacara tertentu.

Di Negeri Melaka, empat komuniti: Melayu, Baba Nyonya, Cheti dan Portugis masih menyanyikan dan memainkan Dondang Sayang. "Sayang" merujuk kepada "kasih", manakala "dendang" merujuk kepada "menghiburkan hati." "Dondang Sayang" bermaksud "Lagu Kasih" atau

"Nyanyian Kasih." Dondang Sayang merupakan nyanyian yang popular di Melaka. Menurut Jabatan Warisan Negara (2022) menyatakan bahawa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, nyanyian mengulit kasih ini dinyanyikan sebagai pujian tentang kebesaran kerajaan melayu melaka. Nyanyian dondang sayang ini juga dijadikan hiburan serta dipersembahkan kepada pedagang-pedagang yang singgah di Melaka. Selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka, nyanyian ini semakin tersebar luas. Sebagai contoh, kisah Wan Benai yang menghiburkan isterinya Sang Nila Utama dengan nyanyian dan pantun kasih sayang berentak dondang sayang sewaktu berkelah menyumbang kepada populariti nyanyian ini di kalangan masyarakat yang mendengar pada ketika itu.

Pada mulanya, Dondang Sayang hanya dinyanyikan diiringi alatan muzik paluan seperti gendang dan tambur. Selepas Portugis menakluki Melaka pada abad ke-16, pelbagai alat muzik diperkenalkan, termasuk alat muzik biola. Pemuzik biasanya terdiri daripada empat atau lima orang dan bergilir-gilir memainkan alat muzik seperti rebana, gong, tetawak, serta biola yang menjadi alat paling penting dalam membentuk melodi lagu. Melodi Dondang Sayang biasanya berentak asli seperti Joget, Inang dan Mambo (Ahmad, 2004).

Menurut satu penulisan oleh Shaik Azahar Shaik Hussain (2016) menyatakan bahawa Dondang Sayang adalah persembahan seni yang melibatkan dua penyanyi berlawanan jantina yang menyanyikan lagu puisi Melayu atau "Pantun." Persembahan ini terbuka kepada semua golongan tanpa mengira usia, pekerjaan, status sosial, atau agama. Beliau juga menyatakan bahawa Dondang Sayang juga dianggap sebagai alat untuk menyampaikan mesej positif dan berkongsi perasaan cinta, gembira, dan duka, yang memperkuat hubungan Masyarakat. Penyanyi-penyanyi Dondang Sayang saling bertukar pantun dengan spontan dan gaya riang disertai empat orang ahli muzik yang memainkan alat seperti biola, rebana, dan tetawak.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Isu pertama yang menjadi permasalahan dalam kajian ini adalah kurangnya pendedahan seni Dondang Sayang kepada pelancong luar dan masyarakat tempatan kerana persembahan ini selalu dipersembahkan di dalam majlis-majlis keramaian dan majlis tersendiri seperti majlis sambutan kebudayaan dan majlis perkahwinan. Selain itu, pelancong yang hadir pada bukan waktu sambutan tidak dapat menyaksikan persembahan Dondang Sayang kerana persembahan Dondang Sayang ini tidak dilakukan secara besar-besaran dan hanya golongan tertentu sahaja yang terlibat dalam persembahan tersebut.

Isu yang kedua adalah, masyarakat sekarang kurang berminat dengan lagu-lagu tradisional Melayu kerana mereka berpendapat bahawa lagu tradisional ini adalah lagu lama dan lapuk yang tidak menepati citarasa mereka. Tambahan pula, masyarakat kini lebih cenderung kepada budaya barat yang membawa lagu-lagu moden seperti lagu-lagu yang bergenre pop dan *blues*. Perkara ini amat merisaukan kerana ia menyebabkan lagu-lagu tradisional seperti Dondang Sayang ini dilupakan oleh masyarakat terutama generasi muda.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik:

- i. Mengetahui latar belakang seni warisan Dondang Sayang di Malaysia.
- ii. Mengenalpasti keunikan dan keistimewaan Dondang Sayang.
- iii. Mengenalpasti perbezaan Dondang Sayang Melayu dan Dondang Sayang Baba Nyonya.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan kajian yang hendak dijawab dalam kajian:

- i. Bagaimanakah seni Dondang Sayang diwujudkan di Malaysia?
- ii. Apakah keunikan dan keistimewaan seni warisan Dondang Sayang?
- iii. Apakah perbezaan Dondang Sayang Melayu dan Dondang Sayang Baba Nyonya?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Sejarah lisan adalah merupakan salah satu teknik untuk memperoleh dan mengesahkan maklumat-maklumat dan mendokumentasikan kejadian masa lalu yang sering kali tidak tercatat dalam sumber bertulis. Selain merekodkan fakta sejarah, pelbagai nilai, kepercayaan dan warisan budaya dibawa yang dapat membentuk identiti sebuah masyarakat.

Menurut Seow Han Lin (2020), ia menyatakan bahawa sejarah lisan memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan sumbangan kepada penulisan sejarah dalam mana-mana peradaban manusia. Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya penulisan historiografi tidak diambil kira ianya adalah tidak masuk akal. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, konsep historiografi merupakan kajian tentang penulisan karya Sejarah berasaskan penelitian mendalam dan pemilihan fakta yang sahih daripada sumber asal. Hal ini kerana, sejarah lisan memainkan peranan yang penting dalam penulisan historiografi kerana dengan penglibatan sejarah lisan, ia dapat menghasilkan penulisan sejarah yang mantap, kukuh dan yang mencerminkan peristiwa sejarah yang sebenarnya.

Tambahan pula, sejarah lisan ini bukan hanya sekadar untuk merekodkan fakta-fakta sejarah tetapi ia juga memainkan peranan yang sangat penting untuk memelihara maklumat tersebut untuk disampaikan warisan manusia kepada generasi yang akan datang. Hal ini disokong oleh Nadzan (1979), menyatakan bahawa sejarah lisan bukan sahaja bertujuan untuk menambah sumber-sumber penyelidikan malah ia juga bertujuan untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang bernilai yang telah diperolehi dengan banyak dari hasil temubual daripada hilang terus lebih-lebih lagi sekiranya orang yang menyimpan keterangan fakta-fakta sejarah itu telah meninggal dunia terlebih dahulu. Selain daripada itu, beliau juga menyatakan sejarah lisan ini sangat penting dalam pengkajian sejarah negara kerana kebanyakan sejarah negara tidak meninggalkan rekod-rekod yang bertulis dan adapun rekod yang sedia ada, kebanyakannya adalah tidak lengkap. Oleh itu, pendekatan sejarah lisan ini memainkan peranan yang signifikan dalam menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang mungkin hilang dengan menambah maklumat yang tidak tercatat dalam sumber-sumber bertulis yang sedia ada.

Oleh yang demikian, sudah terang lagi bersuluh dapat dilihat bahawa bidang sejarah lisan ini sangat penting kerana ia juga terletak dalam membawa dan mengenalkan sejarah dari luar ke dalam suatu masyarakat atau sebaliknya. Selain dapat membina semula peristiwa-peristiwa sejarah, membantu memberikan gambaran yang lebih jelas, meningkatkan kegiatan penyelidikan sejarah, memajukan penulisan sejarah dan juga mengukuhkan sumber primer. Tambahan pula, dengan adanya sejarah lisan ini dapat memberi peluang kepada generasi baru untuk mengenali dan mempelajari dengan lebih mendalam mengenai perihal-perihal sejarah yang berlaku pada masa lalu. Kesimpulannya, bidang sejarah lisan mempunyai peranan yang sangat signifikan dan usaha untuk merakamkan sumber-sumber lisan ini perlulah dijalankan dengan sebaik mungkin kerana dokumen sejarah akan terus kekal selama-lamanya, namun mereka yang mengalami dan mengetahui perihal sejarah tidak akan hidup selamanya (Siti Roudhah Mohamad Saad, et al., 2012).

6. TINJAUAN LITERATUR

Konsep Tradisi dan Budaya Melayu

Konsep tradisi dan budaya Melayu merujuk kepada perkara-perkara berkaitan budi dan akal serta kesinambungan adat masyarakat pada zaman dahulu. Budaya amat penting kerana budaya ini merujuk kepada identiti suatu kelompok masyarakat tersebut dari segi cara ia mengendalikan hidupnya. Manakala tradisi merupakan satu bentuk kepercayaan dan adat yang diwariskan secara turun-temurun dan sudah menjadi amalan yang sebatik dalam masyarakat tersebut. Di Malaysia mempunyai pelbagai masyarakat berbilang kaum, berbilang etnik dan pelbagai bahasa yang mempunyai identiti kebudayaan yang berbeza. Hal ini telah mewujudkan pelbagai simbiosis budaya masyarakat di Malaysia dan melahirkan pelbagai budaya dalam bentuk kesenian dan muzik, adat dan lain-lain lagi yang unik dan menarik.

Lagu Rakyat Tradisional Malaysia

Di Malaysia terdapat banyak lagu-lagu tradisional popular, seperti Dikir Barat, Boria, Gendang Pahang, Ghazal, Dondang Sayang dan sebagainya. Lagu dan nyanyian rakyat ini biasanya membawa genre muzik kontemporari. Lagu rakyat ini juga dikenali sebagai muzik dunia. Lagu rakyat tradisional boleh ditakrifkan sebagai muzik yang disampaikan secara lisan, muzik dengan komposer yang tidak diketahui, muzik yang dimainkan pada instrumen tradisional, muzik yang berkaitan dengan identiti budaya atau kebangsaan, muzik yang dikaitkan dengan cerita rakyat, atau muzik yang dimainkan secara berterusan oleh adat. Lagu rakyat biasanya bercakap tentang masyarakat, alam semula jadi, haiwan, atau peristiwa yang menggambarkan tempat itu. Ia juga dinyanyikan untuk mendodoikan anak, menghiburkan diri selepas bekerja, dan meraikan majlis keraian. Lirik yang dihasilkan oleh golongan masyarakat yang tinggal di desa-desa, perkampungan atau kawasan pedalaman adalah secara spontan. Menurut Aripin Said (2004). Irama nyanyian dan melodi lagu rakyat biasanya disampaikan secara santai atau komedi yang boleh dinyanyikan oleh masyarakat pada masa tersebut.

Kemunculan Dondang Sayang

Menurut sejarah, Dondang Sayang ini mula muncul pada 15 Masihi semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka dan merupakan salah satu bentuk hiburan kepada orang zaman dahulu. Dondang Sayang ini merupakan nyanyian kasih atau balada cinta kerana masyarakat terdahulu menggunakan Dondang Sayang ini sebagai medium untuk menyampaikan perasaan kasih dan sayang mereka. Dondang Sayang ini juga dikenali sebagai "Dendang Sayang" dan amat terkenal di negeri Melaka. Terdapat dua makna yang tersirat disebalik nama Dondang Sayang ini, iaitu "Dondang/Dendang" merujuk kepada menyanyi untuk hiburan diri manakala "Sayang" pula membawa maksud erti rasa kasih, dilakukan dengan cara lemah lembut dan mesra. Dondang Sayang ini dilakukan secara berbalas pantun yang disampaikan secara spontan oleh penyanyi. Biasanya yang sering menyanyi Dondang Sayang ini amat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan di Melaka. Dendangan Dondang Sayang ini biasanya membawa alunan lagu yang cukup lunak dan membuai perasaan hingga dapat membangkitkan perasaan yang indah (Wan Raja, 2007)

Keistimewaan Dondang Sayang

Keistimewaan dan keutamaan menyanyikan lagu Dondang Sayang ialah nyanyian pantunnya. Pantun merupakan sumber khazanah masyarakat Melayu terdahulu dan ia adalah satu bentuk puisi Melayu yang asli dan juga unik. Pantun ini juga merupakan sastera lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi dan wujud dalam pelbagai wajah dan bentuk. Melalui pantun ini kita dapat melihat

masyarakat Melayu dari segi pemikiran, kesenian, moral serta sosialnya. Pantun biasanya diungkapkan secara spontan dan secara ringkas tapi padat. (Nur Syuhada, 2011). Baris satu dan dua dalam pantun empat kerat berfungsi sebagai pembayang, manakala baris tiga dan empat berfungsi sebagai maksud. Dalam pantun dua kerat, baris pertama berfungsi sebagai pembayang manakala baris kedua berfungsi sebagai maksud. Bunyi atau rima yang sampai ke hujung baris adalah sejajar. Di dalam Dondang Sayang, penggunaan pantun amatlah penting maka setiap penyanyi Dondang Sayang yang bagus mestilah mahir berpantun secara spontan. Hal ini kerana pantun ialah karangan berangkap yang menggunakan bahasa-bahasa indah dan ia telah menjadikan Dondang Sayang sebagai seni muzik yang unik dan mempunyai gaya yang tersendiri.

Komuniti Yang Terlibat Dalam Dondang Sayang

Menurut kajian dari Jabatan Warisan Negara, terdapat empat masyarakat di Melaka yang dianggap sinonim dengan Dondang Sayang, iaitu masyarakat Melayu, Baba Nyonya, Cheti, dan Portugis. Dalam komuniti ini, terdapat beberapa kumpulan aktif di bawah naungan Persatuan Dondang Sayang Melaka seperti Dondang Sayang Dendang Irama, Dondang Sayang Kenangan Mawar Biru, Dondang Sayang Seri Mawar, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, minat terhadap Dondang Sayang tidak hanya terbatas kepada orang Melayu, malah juga dikongsi oleh masyarakat bukan Melayu seperti Cina Peranakan atau dikenali sebagai Baba Nyonya, dan juga masyarakat Serani atau lebih dikenali sebagai orang Portugis. Pendapat dari Nizar Parman pada 10 Jun 2023 turut menyatakan bahawa selain Dondang Sayang Melaka dan Dondang Sayang Peranakan, terdapat dua jenis Dondang Sayang lain iaitu Dondang Sayang Tanjung Penyengat yang berasal dari Pulau Penyengat di Kepulauan Riau, Indonesia, dan Dondang Sayang Pulau Pinang. Namun, perbezaan antara jenis Dondang Sayang ini tidak hanya terletak pada bentuk lagu atau alat muzik, tetapi juga pada cara dan gaya persembahan nyanyian. Setiap jenis Dondang Sayang mempunyai ciri khas warisan dan budaya yang berbeza, mencerminkan kepelbagaian warisan seni dan keunikan setiap kumpulan dalam memelihara tradisi ini.

Kewujudan Baba Nyonya

Masyarakat Baba Nyonya ini juga turut mewarisi seni muzik Dondang Sayang dan ia dipanggil sebagai Dondang Sayang Peranakan. Sehubungan dengan ini Dondang Sayang Peranakan ini telah menjadi salah satu identiti silang budaya di Melaka (Abdul Hadi, 2021). Kewujudan Baba dan Nyonya di Melaka berasal daripada Cina Peranakan apabila masyarakat generasi dulu berkahwin dengan orang tempatan. Hasil perkahwinan campur telah melahirkan budaya Cina yang unik. Anak lelaki hasil perkahwinan ini dipanggil Baba manakala anak perempuan dipanggil sebagai Nyonya. Masyarakat Baba dan Nyonya ini banyak mewarisi budaya dan adat masyarakat Melayu. Banyak amalan dan pegangan Melayu yang diamalkan oleh Baba dan Nyonya ini. Antara budaya Melayu yang diamalkan oleh masyarakat Baba dan Nyonya ini adalah berpakaian kebaya dan sarung batik namun dalam aspek kerohanian dan keagamaan masyarakat ini mempunyai banyak persamaan dengan keturunan Cina. Proses asimilasi yang berlaku semasa zaman kegemilangan Melayu Melaka ini dulu telah melahirkan satu masyarakat yang unik di Malaysia dan ianya dapat menjadi contoh pembauran budaya di Malaysia ini.

7. METODOLOGI

Berdasarkan satu penulisan oleh Siti Roudhah Mohamad Saad, et al. (2012), ia menyatakan Ahmad (1987), mendefinisikan sejarah lisan sebagai teknik penyelidikan moden dimana ia bertujuan untuk memelihara perihai-perihai sejarah melalui penceritaan dan pengisahan. Menurutnya lagi, teknik ini melibatkan proses temubual dan merakam menggunakan pita rakaman mengenai

keterangan seseorang yang mengetahui sesuatu peristiwa tersebut sama ada melalui penglibatan secara langsung atau sekadar menyaksikannya. Berdasarkan penulisan itu lagi, ia turut menyatakan perkara ini disokong oleh Starr (1984), yang menyatakan sejarah lisan merupakan teknik pengumpulan data tentang fakta yang belum dikaji dan dirakam dan juga menjadi satu penerus kepada kaedah pengumpulan fakta sejarah setelah lamanya hilang tradisi berkaitan penulisan sejarah. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan kaedah sejarah lisan dengan menjalankan sesi temubual secara bersemuka bersama dua orang tokoh selama dua jam. Setiap butir perkataan yang dituturkan akan direkod dan dicatat sebagai bukti.

Secara ringkasnya, prosedur pengumpulan data terdiri daripada sembilan langkah. Langkah pertama dalam prosedur pengumpulan data adalah memilih tema. Dalam hal ini, tema yang dipilih adalah Dondang Sayang dengan pendekatan hibrid iaitu topikal dan biografi. Langkah kedua melibatkan pencarian tokoh untuk diwawancarai melalui sosial media, laman web, dan sumber lainnya. Kriteria pemilihan tokoh adalah termasuk pengetahuan dan pengalaman dalam seni Dondang Sayang. Setelah penelitian, dua tokoh dipilih oleh penyelidik untuk diwawancarai, dan tokoh pertama adalah Tuan Haji Idriss bin Haji Shariff, Pengerusi Institut Seni Warisan Melaka (INSWA) dan seorang penggiat Dondang Sayang di Melaka.

Manakala, tokoh kedua yang dipilih oleh penyelidik ialah Encik Hairul Asraf bin Abu Hussain. Beliau pula merupakan penggiat seni Dondang Sayang Baba Nyonya dan pensyarah sambilan Bahasa Inggeris. Beliau lebih dikenali sebagai Along Asraf yang menyambung legasi ibunya, Allahyarhamah Nyonya Tan Abdullah bersama adik perempuannya dengan membawa nama Legasi Nyonya Tan. Dapatlah disimpulkan bahawa, penyelidik telah memilih kedua-dua tokoh tersebut disebabkan faktor pengalaman dan kepakaran mereka dalam seni dondang sayang agar dapat memperoleh maklumat yang bernilai dan berguna. Langkah ketiga adalah dengan menghubungi kedua-dua tokoh untuk meminta persetujuan dan menetapkan jadual pra-temubual. Penyelidik juga menghantar surat permohonan kebenaran melalui e-mel kepada tokoh-tokoh tersebut. Setelah persetujuan diterima, langkah keempat adalah menyusun soalan-soalan dan membentuk struktur soalan yang sistematik untuk sesi temubual yang mempunyai tiga bahagian iaitu orientasi, umum dan spesifik.

Selepas menyusun senarai soalan, langkah kelima ialah mengadakan sesi pra-temu bual, di mana penyelidik dan tokoh terlibat dapat saling kenal mengenali sebelum temu bual sebenar dijalankan. Semasa pra-temu bual, penyelidik menyatakan tujuan kajian hibrid yang dijalankan dan memberikan surat perjanjian yang mengandungi syarat-syarat temu bual untuk ditandatangani oleh kedua-dua tokoh. Langkah keenam melibatkan perbincangan antara penyelidik dan tokoh untuk menetapkan tarikh, masa, dan tempat bagi temu bual sebenar. Langkah ketujuh ialah penyelidik menjalankan temu bual dengan kedua-dua tokoh pada tarikh yang telah dipersetujui, dan merakamkan temu bual tersebut. Oleh itu, sesi temubual bersama Tuan Haji Idriss bin Haji Shariff dijalankan pada 14 November 2023 bersamaan hari Selasa pada pukul 10.09 pagi, bertempat di Institut Seni Warisan Melaka (INSWA). Bagi sesi temubual bersama Encik Hairul Asraf bin Abu Hussain telah dijalankan pada 22 Disember 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 6.10 petang bertempat di Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN), Melaka. Langkah kelapan melibatkan sesi rakaman audio bagi tujuan transkripsi, manakala langkah kesembilan adalah menganalisis maklumat yang terdapat dalam rakaman temubual bersama kedua-dua tokoh tersebut.

8. HASIL KAJIAN

Pengenalan Dondang Sayang

Menurut Tuan Haji Idriss bin Haji Shariff dan Encik Hairul Asraf bin Abu Hussain, kedua-dua mendefinisikan Dondang sayang adalah nyanyian mengulit kasih. Nyanyian ini dinyanyikan untuk menyampaikan sesuatu hasrat dan maksud dengan cara berpantun yang mempunyai pelbagai tema seperti kasih sayang, usik-mengusik, budi, nasihat dan banyak lagi. Menurut Tuan Haji Idriss, nama Dondang Sayang dikira sebagai tajuk lagu Dondang Sayang. Beliau juga menyatakan bahawa "Dondang Sayang" berasal dari dua kata, iaitu "Dondang" yang merujuk kepada nyanyian atau lagu yang didendangkan, dan "Sayang" adalah sebagai perasaan kasih atau sayang. Oleh itu, gabungan kedua kata ini mencerminkan sifat romantis dan puitis dari seni nyanyian ini.

Kemunculan Dondang Sayang Baba Nyonya

Menurut Encik Hairul Asraf, Dondang Sayang Baba Nyonya muncul apabila kaum Cina atau pedagang-pedagang Cina singgah di Melaka dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Apabila asimilasi budaya ini berlaku, muncullah kelompok peranan yang cenderung mengamalkan cara hidup orang Melayu, termasuk dalam aspek pakaian, masakan, pertuturan, dan seni budaya. Maka, terbentuklah tradisi dondang sayang peranan, di mana mereka juga berdondang sayang tetapi dalam dialek peranan.

Perbezaan Dondang Sayang Melayu dan Dondang Sayang Baba Nyonya

Bahasa

Daripada hasil kajian, dapat dikenal pasti bahawa terdapat beberapa perbezaan antara Dondang sayang Melayu dan juga Dondang Sayang Baba Nyonya. Menurut Tuan Haji Idriss dan Encik Hairul Asraf, perbezaan antara kedua-dua dondang sayang adalah dari segi bahasa iaitu dialek. Hal ini kerana, Dondang Sayang Melayu secara umumnya menggunakan bahasa Melayu yang mencerminkan budaya dan nilai-nilai Melayu tradisional. Namun begitu, menurut Encik Hairul Asraf, bahasa yang digunakan dalam Dondang Sayang Baba Nyonya kadangkala diambil daripada bahasa Hokkien dan dijadikan dalam dialek peranan yang dilagukan dalam dondang sayang. Oleh itu, kebanyakan sebutan dalam Dondang Sayang Baba Nyonya akan berubah dan ini menunjukkan keunikan dialek peranan yang mencerminkan pengaruh budaya campuran dari komuniti Baba Nyonya.

Persembahan

Dari segi persembahan pula, Tuan Haji Idriss berpendapat bahawa Dondang Sayang masih tidak banyak berubah dan masih lagi kekal seperti dahulu. Beliau juga menyatakan bahawa persembahan Dondang Sayang pada zaman dahulu lebih kepada nyanyian dan pantun Dondang Sayang manakala persembahan sekarang telah melibatkan persembahan tarian seperti teater.

Alat muzik

Penyelidik bertanya soalan mengenai perkembangan alat pada muzik dahulu hanya menggunakan gendang manakala sekarang terdapat lebih banyak alat muzik seperti akordion dan drum. Tuan Haji Idriss menyatakan bahawa keperluan alat muzik adalah mengikut keperluan persembahan. Beliau juga menyatakan bahawa jika persembahan dilakukan secara besar-besaran dan mengalami kekangan peralatan muzik tradisional, adalah disarankan untuk menambah peralatan muzik lain seperti keyboard sebagai alat muzik sokongan.

Bangsa

Tambahan pula, menurut Encik Hairul Asraf, beliau menyatakan bahawa salah satu perbezaan ketara antara kedua-dua dondang sayang adalah bangsa penyanyi. Hal ini kerana, bagi Dondang Sayang Melayu, penyanyi merupakan orang Melayu dan cenderung mencerminkan unsur-unsur dan kekayaan budaya Melayu manakala penyanyi Dondang Sayang Baba Nyonya merupakan orang dari keturunan budaya Melayu dan Cina yang menetap di Melaka yang banyak mengadaptasi elemen budaya Melayu. Namun begitu, kedua-dua bangsa masih boleh berkolaborasi dalam satu persembahan yang sama walaupun berbeza bangsa dan dialek contohnya, menurut tokoh kedua, Datuk Mohd Baharim pernah berkolaborasi bersama Allahyarhamah Nyonya Tan Abdullah dan juga mendiang Datuk Kenny Chan.

Busana

Di samping itu, Encik Hairul Asraf juga menyatakan bahawa perbezaan dari segi busana. Hal ini kerana, bagi busana Dondang Sayang Melayu, biasanya ia disertai dengan pakaian tradisional Melayu seperti baju Melayu dan baju kurung seperti yang dinyatakan oleh Tuan Haji Idriss. Begitu juga dengan Dondang Sayang Baba Nyonya dimana mereka akan mengenakan pakaian tradisional Baba Nyonya apabila membuat persembahan.



Gambar 1: Busana Kaum Baba Nyonya (Sumber daripada Internet)

9. KESIMPULAN

Jelaslah bahawa usaha untuk memelihara dan menjaga warisan seni masyarakat Dondang Sayang sangat penting. Semua pihak termasuk Masyarakat dan kerajaan perlu memikirkan pelbagai inisiatif seperti menganjurkan pelbagai program berkaitan Dondang Sayang seperti menganjurkan bengkel dan pertandingan Dondang Sayang untuk membuka mata masyarakat mengenai keunikan seni warisan yang kita miliki ini. Justeru itu, mereka akan sedar bahawa jika seni ini tidak dipelihara, ia akan hilang begitu saja, dan generasi yang akan datang tidak akan tahu tentang keindahan seni yang kita miliki. Penggiat seni seperti Tuan Haji Idriss perlu diberi perhatian khusus oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara seni warisan di negara kita. Tanpa mereka, generasi muda mungkin tidak mengenali seni warisan muzik Dondang Sayang dan seni tinggalan yang lain. Oleh itu, kerjasama antara masyarakat, kerajaan, dan individu seperti Tuan Haji Idriss adalah kunci untuk memastikan kelestarian dan kecemerlangan seni warisan kita. Diharapkan sumbangan utama kajian ini diharapkan dapat melestarikan warisan Dondang Sayang sehingga ke generasi yang seterusnya, meningkatkan bilangan pengusaha Dondang Sayang dalam golongan muda serta menyumbang kepada pembentukan pelajar yang tinggi ilmu pengetahuannya tentang warisan seni warisan Dondang

Sayang. Malah, semoga kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan pada masa hadapan dalam kalangan penyelidik, pengusaha, penggiat mahupun penggemar seni Dondang Sayang di Malaysia. Maka, kajian ini juga diharapkan mampu menjadi daya tarikan kepada masyarakat pada masa kini untuk meminati dan mendalami budaya dan kesenian Dondang Sayang.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada tokoh-tokoh yang sudi membantu kami, Tuan Haji Idriss Bin Haji Shariff dan Encik Hairul Asraf Bin Abu Hussain. Tanpa bantuan mereka, penyelidikan ini tidak akan berlangsung dengan lancar. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Encik Jafalizan Bin Md Jali selaku pensyarah kami kerana telah memberi bimbingan, tunjuk ajar dan juga pandangan beliau dalam menyiapkan penyelidikan ini. Segala bantuan, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketerampilan.

RUJUKAN

- DONDANG SAYANG. (n.d.). Pemetaanbudaya.jkkn.gov.my. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/168>
- Dondang Sayang, Irama Segar yang Eksklusif. (n.d.). WadahDBP. Diakses pada Februari 2, 2024, dari <https://wadahdbp.my/titisanpena/dondang-sayang-irama-segar-yang-eksklusif/>
- Ismail, M. (2022, Oktober 3). "Penang Exchange 2022: Dondang Sayang Soirée" Meraikan Kepelbagaian Budaya Malaysia. Dewan Budaya. <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2022/10/03/3353/>
- Majid, M. F. A. (2022, November 1). Melaka terus suburkan seni warisan Dondang sayang. Melaka Hari Ini. <https://www.melakahariini.my/melaka-terus-suburkan-seni-warisan-dondang-sayang/>
- Makmal Sejarah Lisan | Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa. (2015, Julai 8). Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa |. <https://www.ukm.my/sphea/mengenaikami/kemudahan-2/makmal-sejarah-lisan/>
- MANAP, A. H. A. (2021, Jun 23). Dondang sayang Peranakan tiada pewaris? Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/dondang-sayang-peranakan-tiada-pewaris/#google_vignette
- Sejarah, pakaian dan makanan bagi kaum baba nyonya. (n.d.). Prezi.com. https://prezi.com/p/txg_kbuaadje/sejarah-pakaian-dan-makanan-bagi-kaum-baba-nyonya/
- Shazali, F. (n.d.). Konsep lagu rakyat. Wwww.academia.edu. Diakses pada November 10, 2023, dari https://www.academia.edu/38273436/Konsep_lagu_rakyat
- Syuhada, N. (2011). Laman Panitia Bahasa Melayu: Apa Itu Pantun. Laman Panitia Bahasa Melayu <https://panitiabahasamelayuskpj.blogspot.com/2011/03/apa-itu-pantun.html>
- TARIAN ETNIK BABA NYONYA: BAKUL SIA. (n.d.). Pemetaanbudaya.jkkn.gov.my <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/173>